

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XVI)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB. ONG KHAN LEE**

16. Adakah pembayaran penghargaan warga emas iaitu program i-Sejahtera bakal dibuat menerusi bayaran secara terus kepada akaun bank (EFT) sahaja?

**YB. PHEE BOON POH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B KETUA MENTERI**

16. Kerajaan Negeri menggalakkan semua penerima mana-mana bantuan agar membuka akaun bank untuk memudahkan proses pembayaran bantuan dilakukan secara atas talian dan melalui pindahan wang secara elektronik (EFT).

Kaedah ini bukan sahaja selari dengan hasrat kerajaan ke arah urus tadbir berdasarkan e-Kerajaan, malah dapat mempercepatkan proses pembayaran bantuan kepada penerima-penerima bantuan Program Penghargaan Warga Emas dan mengurangkan keperluan pergerakan warga emas untuk urusan tuntutan bayaran bantuan.

Namun begitu, Kerajaan Negeri sentiasa prihatin terhadapkekangan-kekangan yang dihadapi oleh sesetengah penerima bantuan berkenaan proses pembukaan akaun bank. Oleh itu, kelonggaran untuk pembayaran secara tunai masih diberikan kepada para penerima bantuan program ini atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan dan menggalakkan penerima dapat membuka akaun secara bersama (*joint account*).